

**KHAMIS 16 JUN 2016**

## **PSP, SIRIM JALIN KOLABORASI**

### **Politeknik Seberang Perai, Sirim jalin kolaborasi**



Zulkifli (tiga, kanan) menyerahkan cenderahati kepada Hanita.

**PERMATANG PAUH** - Politeknik Seberang Perai dan Sirim Measurement Technology Sdn Bhd menjalin hubungan kolaborasi program CEO Faculty bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan Politeknik sebaik sahaja menamatkan pengajian mereka.

Pengarah Politeknik Seberang Perai Mejar (K) Zulkifli Ariffin berkata, program CEO Faculty adalah program hasil inisiatif Unit Kolaborasi Industri dan Kebolehpasaran Graduan PSP (CISEC) bagi mewujudkan kerjasama di antara Politeknik Seberang Perai dan bersama Sirim Measurement Technology Sdn Bhd bagi melahirkan graduan yang seimbang yang mempunyai kemahiran, nilai dan nilai tambah yang dapat memenuhi keperluan industri.

"Program CEO Faculty ini meliputi beberapa siri pertemuan bersama pe-

lajar semester akhir Jabatan Kejuruteraan Elektrik bidang Elektronik dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bidang Pembuatan.

"Program ini akan membangunkan model insan yang berpandukan keperluan industri, mengendalikan kursus rasionalisasi, merancang kapasiti, mendapatkan rakan kongsi industri bersifat 'menang-menang' katanya selepas majlis menandatangani kolaborasi antara Politeknik Seberang Perai dan Sirim Measurement Technology Sdn Bhd di sini, baru-baru ini.

Majlis menandatangani perjanjian berkenaan dilakukan di antara Zulkifli mewakili Politeknik Seberang Perai manakala Sirim Measurement Technology diwakili Pengarah Korporat SIRIM Measurement Technology Sdn Bhd, Hanita Ibrahim.

Sementara itu, Zulkifli berkata, seramai 215 pelajar

Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal akan terlibat dalam program itu.

Katanya, mereka akan didedahkan beberapa siri ceramah dan latihan simulasi industri oleh CEO Faculty SIRIM Measurement Technology Sdn Bhd.

Tambahnya, menerusi kerjasama ini diharapkan Politeknik Seberang Perai dapat menghasilkan graduan yang berkualiti untuk menghadapi alam pekerjaan.

Dalam pada itu, Ketua Unit Kolaborasi Industri dan Kebolehpasaran Graduan Politeknik Seberang Perai, Dr Rahim Abdul Rahman berkata, melalui kolaborasi sebegini, Politeknik Seberang Perai dapat menghasilkan graduan yang seimbang dari segi kemahiran, nilai dan kelakuan positif yang dapat memenuhi kehendak industri dan pasaran kini.